

20 APR 2002

Mahathir-Produk/I

LIBYA MINAT BELI PRODUK M'SIA DAN TAWAR KONTRAK

Oleh: Mohd Arshi Daud dan Khairdzir Mohd Yunus

MANAMA (BAHRAIN), 20 April (Bernama) -- Libya berminat bukan sahaja untuk membeli terus produk buatan Malaysia tetapi juga menawarkan kontrak kepada syarikat-syarikat Malaysia, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir berkata pemimpin Libya Muammar Gaddafi sendiri telah memberitahu beliau mengenai minatnya bagi produk Malaysia.

"Gaddafi kata dalam bilik air dia, kosmetik, sabun dan lain-lain semua yang ada adalah Made-in-Malaysia," kata Dr Mahathir pada persidangan media dalam pesawat khas semasa dalam penerbangan dari Tripoli, Libya ke Manama, Bahrain untuk lawatan dua hari.

Dr Mahathir, yang sebelum itu melawat Libya selama tiga hari, mengetuai delegasi 185 anggota bertujuan memperkukuhkan hubungan perdagangan dan dua hala dengan Maghribi dan kedua-dua negara berkenaan.

Semasa di Libya, Perdana Menteri menemui Gaddafi sebanyak tiga kali dalam masa dua hari dan menurut sumber diplomatik, hanya pemimpin yang dianggap sebagai rakan Libya dibenar menemui Gaddafi.

Dr Mahathir berkata Libya mahu membeli produk Malaysia tetapi promosi dan eksport terus oleh syarikat-syarikat Malaysia masih kurang.

"Libya hendak beli dari Malaysia tetapi tidak ada promosi and tidak ada peraturan untuk membekalkan produk seperti barangan elektronik terus kepada mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau yakin hubungan perdagangan antara Malaysia dan Libya dapat ditingkatkan hasil lawatan beliau tetapi ini bergantung bagaimana ahli perniagaan Malaysia menggunakan kepintaran mereka dalam perniagaan.

"Kalau kita pandai layan orang, InsyAllah kita bukan sahaja setakat boleh jual...dia (Libya) ada banyak kontrak yang dia nak bagi kita," kata Perdana Menteri.

Contohnya, apabila diberi taklimat oleh seorang jurutera semasa melawat projek sungai buatan Manusia di Benghazi, 1000 km dari Tripoli pada Jumaat, beliau dimaklumkan oleh jurutera berkenaan bahawa melalui internet, beliau mengetahui bahawa sebuah syarikat Malaysia boleh membekalkan paip yang lebih baik dan murah daripada yang digunakan sekarang dalam projek itu.

"Dan kita akan tolong dia," kata Dr Mahathir.

Projek berharga AS\$19.8 bilion (AS\$1=RM3.8) itu dilaksanakan mengikut tiga fasa dan mempunyai jumlah kapasiti simpanan 54.9 juta meter padu air yang dipam keluar daripada 1,300 telaga.

Wayar besi uang digunakan dalam pembuatan paip itu akan mengelilingi bumi 280 kali dan saluran paip itu adalah sepanjang 3,500 km, meliputi kawasan diseluas bahagian barat Eropah.

Dr Mahathir menasihatkan ahli perniagaan Malaysia yang berminat untuk menjalankan perniagaan di Libya supaya bersabar kerana keadaan di sini lain, tidak seperti di Malaysia apabila mereka dengan mudah boleh menjalankan perniagaan.

"(Di Malaysia), kita tahu undang-undang, kita mengenali orang dan kita juga boleh mendekati Perdana Menteri. kamu tidak boleh berbuat demikian di negara asing.

"Di negara asing, kamu perlu belajar untuk menyesuaikan budaya, undang-undang dan amalan mereka. Nak minta Gaddafi punya blessing tak adalah.

Perdana Menteri juga berkata perdagangan dua hala Malaysia dengan Libya

dapat diperkukuhkan melalui pembelian lebih banyak produk Libya.

"Sekarang ini kita dapati kebanyakannya kita yang jual," kata beliau.

Tahun lepas, Malaysia mengeksport produk ke Libya bernilai RM14.7 juta dan mengimport barangan Libya bernilai RM4.9 juta.

-- BERNAMA

MAD/KHY FAZ AZH